



10 Januari 2013  
10 January 2013  
P.U. (A) 7

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 2) 2013

### *INCOME TAX (EXEMPTION)(NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“perniagaan pengendalian pelancongan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482];

“rombongan pelancongan rangkum semua” ertinya suatu pakej pelancongan ke atau di Malaysia atau di mana-mana tempat dalam Malaysia yang dilakukan oleh pelancong dari luar Malaysia termasuk pengangkutan udara, darat atau laut dan penginapan.

**Pengecualian**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 untuk menjalankan suatu perniagaan pengendalian pelancongan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada rombongan pelancongan rangkum semua.